

18/08/2003

MACP berkampung cari jati diri

Akmal Abdullah

SEBAGAI memenuhi hasrat mewujudkan suasana perkembangan muzik tempatan yang mempunyai jati diri dan berimejkan Malaysia, satu usaha bersepadu dibuat untuk mengajak komposer, penggubah dan penulis lirik berkampung bagi mewujudkan kesedaran bagi tujuan itu.

Music Authors' Copyright Protection Bhd (MACP) merancang satu bengkel yang dinamakan Cipta Ekspres 2003 selama empat hari di Port Dickson, Negeri Sembilan dalam menjayakan perkongsian ilmu untuk melahirkan daya kreatif tinggi dan menghasilkan lagu yang lebih mencerminkan identiti sendiri.

Pengerusi MACP, Habsah Hassan, berkata usaha itu perlu dalam usaha melahirkan trend muzik Malaysia yang lebih jelas arah tujuanya, bersesuaian dengan akar, cita rasa dan jiwa Malaysia.

"Ini adalah projek di bawah Tabung Kemajuan Muzik MACP yang diwujudkan untuk menganjur kegiatan perkembangan industri muzik di negara ini. Projek ini mahu mencabar komposer, penggubah dan penulis baru supaya tampil dengan karya lebih baik dan segar.

"Kita kena ada identiti lagu sendiri, bukannya asyik meniru orang luar. Kita dapati muzik kita tidak ada arah yang jelas. Apabila muzik luar bawa hip-hop, rap atau sebagainya, kita pun tiru dan ikut. Jika dilihat suasana sekarang, kita juga tidak ada banyak pilihan lagu evergreen seperti tahun 60-an dan 70-an dulu.

"Untuk projek Cipta Ekspres MACP 2003, kita anggarkan 50 penggiat muzik akan dikumpulkan di Port Dickson bermula 21 hingga 24 September ini. Penggiat muzik ditempatkan di satu tempat yang jauh daripada gangguan harian dalam suasana tenang untuk saling bekerjasama. Peserta dikumpulkan dalam kelompok kecil iaitu tiga peserta dalam satu kumpulan.

"Pemilihan peserta kalangan mereka yang sudah terkenal dan ada nama besar serta penulis muzik baru, termasuklah penyanyi yang berpotensi dalam penulisan lirik," katanya pada sidang media di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Habsah juga berkata, antara komposer terkenal yang dijangka turut bersama dalam Cipta Ekspres ialah M Nasir, Fauzi Marzuki, Aidit Alfian, Lan Laga, Ajai, Hairul Anuar Harun dan Pak Ngah.

Menurutnya, semasa mereka berkumpul dan berbincang, mereka dikehendaki hasilkan satu lagu yang menjadi matlamat Cipta Ekspres.

"Semua lagu kelak akan dirakam untuk diterbitkan dalam satu album khas. Lagu yang beridentitikan Malaysia bukannya lagu patriotik tetapi lagu yang ada kekuatan untuk mewujudkan trend baru berimejkan Malaysia.

"Yang penting, kita harap komposer, penggubah dan penulis lirik yang dijemput itu akan meluangkan masa untuk kebaikan bersama. Ini juga untuk menambahkan ilmu dan pengalaman," katanya.

Projek seumpama itu pernah diadakan kira-kira tujuh tahun lalu di Pulau Tioman yang menyaksikan 20 lagu dihasilkan. Antara lagu yang dihasilkan ketika itu ialah Joget Menyanyi ciptaan To'Ki, Kasih Serumpun dan Ke Sayup Bintang (Fauzi), Aku Rasa Malu (Raja Kobat) dan Kemarau Melanda Rindu (Lan Laga dan Mahzan B).

Habsah juga menjelaskan, Cipta Ekspres 2003 diadakan pada September ini bersesuaian dengan semangat untuk menyambut ulang tahun Kemerdekaan ke-46 dan pada masa sebagai simbolik penghargaan terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan bersara Oktober ini.

"Kita mahu hasil karya muzik yang kena dengan jiwa orang kita dan

menjadi kebanggaan semua bangsa Malaysia. Ini juga satu cabaran kepada ahli MACP yang kini sudah mempunyai 1,800 ahli. Projek ini menghargai yang lama dan memberi peluang pada yang baru," katanya.